

# KPJ Healthcare cadang lupus empat hospital

KPJ Healthcare Bhd (KPJ Healthcare) mengumumkan ia mencadangkan proses melupuskan empat hospital terpilih dalam kumpulannya menerusi Pasaran Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) dengan nilai RM300 juta seiring dengan cadangan memperkenalkan dan menyenaraikan REIT.

Cadangan itu akan membolehkan KPJ membuka nilai pasaran hartanahnya dan mendapatkan dana bagi pelaburan lain di samping mengurangkan pinjaman dan gerannya.

Pengerusinya, Tan Sri Muhammad Ali Hashim berkata, empat hospital itu ialah Hospital Pakar Ampang Puteri, Hospital Pakar Damansara, Hospital Pakar Puteri Johor Bahru dan Hospital Pakar Perdana Kota Baharu.

Beliau berkata, KPJ Healthcare melantik AmMerchant Bank Bhd sebagai penasihat dan butiran mengenai cadangan itu akan diumumkan sebaik sahaja perjanjian jual beli dilaksanakan.

KPJ Healthcare kini adalah kumpulan penjagaan kesihatan persendirian terbesar dalam negara dengan rangkaian 17 hospital di Malaysia, Indonesia dan Bangladesh.

"Kami menjangkakan kadar gearan syarikat dapat dikurangkan daripada 0.9 kepada 0.4 menerusi cadangan pelupusan ini.

"Bagaimanapun, penguasaan empat hospital pakar ini masih terletak di bawah tanggungjawab KPJ Healthcare," katanya.

Di negara ini, misalnya, antara hospital milik kumpulan itu ialah Hospital Pakar Johor, Puteri Specialist Hospital dan Penawar Hospital di Johor manakala di Selangor ialah Hospital Pakar Ampang Puteri dan Hospital Pakar Damansara di Selangor, Hospital Pakar Perdana di Kelantan, Hospital Tawakal Kuala Lumpur, Hospital Pakar Ipoh, Hospital Pakar Bukit Mertajam, Hospital Pakar Kuching dan Hospital Pakar Seremban.

Di luar negara ia memiliki United Hospital (Bangladesh), RS Selasih (Sumatera), RS Medika Permata Hijau dan RS Bumi Serpong Damai (Jakarta).

*Harian Metro  
2 September 2005*